



DASAR / POLISI SISTEM PENGURUSAN BERTERASKAN KUALITI
ISO 9001 (QMS), ISO 14001 (EMS), ISO 45001 (OSHMS), ISO 50001 (EnMS),
ISO/IEC 27001 (ISMS), ISO 37001 (ABMS), ISO 55001 (AMS), ISO 37301 (CMS) DAN
QE 5.0

MBSP Komited Untuk:

SISTEM PENGURUSAN KUALITI (QMS)

1. Mempertingkatkan keberkesanan Sistem Pengurusan Kualiti secara berterusan melalui perkhidmatan yang berkualiti dan cemerlang serta memuaskan hati pelanggan

SISTEM PENGURUSAN ALAM SEKITAR (EMS)

2. Mengawal pembangunan dan mencegah pencemaran mengikut undang-undang dan keperluan-keperluan lain, menambahbaik program dan prestasi alam sekitar secara berterusan

SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (OSHMS)

3. Menyediakan serta memastikan persekitaran kerja, kemudahan, peralatan dan sistem kerja yang selamat dan sihat kepada semua pekerja, kontraktor, pelanggan, pelawat dan pihak yang mempunyai kaitan secara langsung atau tidak langsung dengan aktiviti MBSP

SISTEM PENGURUSAN TENAGA (EnMS)

4. Melaksanakan kecekapan penggunaan tenaga melalui penambahbaikan yang berterusan dengan kaedah-kaedah seperti berikut :
 - a) Meningkatkan prestasi tenaga secara berterusan dengan mewujudkan dan melaksana Sistem Pengurusan Tenaga yang berkesan bersesuaian dengan Bangunan Menara Bandaraya MBSP
 - b) Menyokong perolehan produk dan perkhidmatan cekap tenaga serta reka bentuk untuk peningkatan prestasi tenaga
 - c) Memastikan pematuhan kepada keperluan undang-undang yang diguna pakai dan keperluan lain yang berkaitan dengan kegunaan, penggunaan dan kecekapan tenaga
 - d) Memastikan maklumat dan sumber-sumber yang berkaitan adalah mencukupi bagi mencapai objektif dan sasaran dan menyediakan rangka kerja untuk menetapkan dan mengkaji objektif dan KPI /sasaran berkenaan
 - e) Memastikan kakitangan diberikan pendedahan dan kefahaman tentang kecekapan penggunaan tenaga

SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS)

5. Menjamin dan mempertingkatkan keselamatan maklumat mengikut peraturan dan undang-undang yang berkaitan dengan Kerahsiaan (*Confidentiality – C*), Ketepatan dan Kelengkapan Maklumat (*Integrity – I*) Dan Ketersediaan Maklumat (*Availability – A*) Bagi Menjaga Kepentingan MBSP, Kakitangan Dan *Stakeholders*.

SISTEM PENGURUSAN ANTI SUAPAN/SOGOKAN (ABMS)

6. Menjamin serta mempertingkatkan integriti pengurusan dan kakitangan mengikut peraturan dan undang-undang yang diguna pakai untuk mengekang aktiviti suapan / sogokan bagi menjaga kepentingan kakitangan dan *stakeholders* dalam mencapai Visi dan Misi MBSP
7. Mewujudkan ruang pelaporan yang selamat bagi aktiviti suapan/sogokan dan pelanggaran perundangan yang berlaku serta menjamin kerahsiaan maklumat pengadu dan memastikan tiada tindak balas diambil ke atas mereka

SISTEM PENGURUSAN ASET (AMS)

8. Mengurus (memperolehi, memelihara dan menyelenggara) aset MBSP dengan cekap dan efisien.

SISTEM PENGURUSAN PEMATUHAN (CMS)

9. MBSP komited untuk memastikan kepatuhan kepada peraturan dan perundangan yang digunapakai dalam aspek pelaksanaan Sistem Pengurusan Berintegrasi (IMS) MBSP

QE 5.0

10. MBSP komited untuk mewujudkan persekitaran yang selamat dan kondusif, budaya kerja yang berkualiti serta mengambil kira aspek alam sekitar, keselamatan dan kesihatan pekerjaan dengan penggunaan ICT yang terkini

UNTUK ITU, MBSP AKAN:

- a) Mewujudkan dan melaksana pengurusan risiko yang cekap dan berkesan serta komited memperuntukkan sumber-sumber yang mencukupi bagi mempertingkatkan kualiti perkhidmatan serta mencapai objektif dan KPI / sasaran bagi setiap sistem, termasuk membuat penambahbaikan bagi setiap Sistem Pengurusan dan seterusnya mencapai hala tuju MBSP. Juga memastikan kepuasan hati pelanggan secara berterusan dengan melaksanakan perkara-perkara berikut :
 - Mengamalkan budaya pengurusan risiko dalam urus tadbir
 - Mewujudkan komunikasi dalaman dan luaran yang berkesan
 - Membuat dan melaksana pelan tindakan serta membuat pemantauan, juga membuat semakan secara berkala untuk mengenalpasti kelemahan-kelemahan yang ada serta perubahan-perubahan dalam isu dalaman / luaran untuk memastikan pencapaian objektif dan KPI / sasaran Sistem Pengurusan Berteraskan Kualiti amnya dan MBSP khususnya
- b) Mewujudkan proses pengenalpastian, penganalisan, penaksiran dan kawalan risiko bagi proses-proses kerja / sub-proses / aktiviti / persekitaran kerja serta membuat perancangan untuk Program Dan Pelan Tindakan bagi risiko yang dikenal pasti mempunyai status melebihi rendah yang memberi impak kepada MBSP
- c) Mematuhi setakat yang praktik semua peruntukan perundangan yang berkaitan dengan MBSP termasuk Sistem-Sistem Pengurusan (QMS, EMS, OSHMS, EnMS, ISMS, ABMS, AMS, CMS) yang dilaksanakan oleh MBSP termasuklah perundangan berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan semasa, tata amalan industri, pelawat dan keperluan lain yang relevan serta menambahbaik secara berterusan keperluan semua Sistem Pengurusan di MBSP
- d) Membuat semakan semula Dasar dan Penilaian Risiko sekurang-kurangnya sekali dalam satu tahun kalendar atau sekiranya ada perubahan dalam pengurusan, perundangan dan aktiviti-aktiviti jabatan
- e) Melaksana program dan kesedaran latihan yang sewajarnya kepada warga kerja MBSP serta pihak kontraktor/vendor
- f) Memberi autoriti kepada Auditor Dalaman Kualiti dan Penilaian Pematuhan termasuk Auditor CMS sebagai badan yang berkecuali serta memastikan kompetensi mereka yang berkaitan
- g) Mengambil tindakan sewajarnya ke atas mana-mana pihak yang tidak mematuhi dasar dan sistem-sistem ini (QMS, EMS, OSHMS, EnMS, ISMS, ABMS, AMS, CMS)



DATO' HJ BADERUL AMIN BIN ABDUL HAMID

Datuk Bandar

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Tarikh : 17 MAC 2025